

# PELAKSANAAN PEMASARAN IKAN RAKYAT

.....

# PENGENALAN

- Inisiatif ini terdapat untuk menyahut saranan YAB Perdana Menteri bagi mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup selaras dengan NKRA7 yang baru diumumkan.
- Sepertimana komoditi makanan lain, ikan mengalami kenaikan harga yang ketara khususnya bagi spesies yang di gemari orang ramai seperti **Kembong, Selar, Cincaru, Selayang dan Pelaling**. Dalam tempoh setahun 2010- 2011 harga ikan telah mengalami kenaikan sebanyak 14 %.
- Kenaikan harga sukar di bendung, berpunca dari:
  - Kenaikan kos input pengeluaran;
  - Pengeluaran dan bekalan yang tidak menentu di sebabkan faktor sumber dan musim;
  - Permintaan melebihi penawaran khususnya bagi ikan tempatan;
  - Manipulasi harga oleh intermediasi seperti pemborong dan peruncit dsbnya.

# KONSEP IKAN RAKYAT

- ❑ Melalui pengamatan (observation) didapati terdapat beberapa spesis ikan yang menjadi kegemaran dan mendapat permintaan tinggi dari rakyat yang berpendapatan sederhana/ rendah seperti **Kembong, Selar, Cincaru, Selayang, Pelaling, Tilapia dan Keli** kerana harga yang mampu beli.
- ❑ Spesis-spesis ini juga mengalami kenaikan harga kerana bekalan yang tidak konsisten walaupun di tampung dengan ikan yang di import khususnya dari Thailand.
- ❑ Bekalan spesis-spesis ini boleh di perolehi secara konsisten sekiranya diwujudkan stok simpanan secara sejuk beku dalam jumlah yang banyak . Bekalan untuk ikan sejukbeku boleh diperolehi dari sumber impot dan pendaratan tempatan yang dibeli secara pukal semasa 'glut season' dan di bekukan.
- ❑ Dengan cara ini harga dapat di tentukan di peringkat borong dan runcit kerana harga belian dan kos lain seperti kos penyimpanan, pengangkutan dan pengedaran di ketahui. Sebagai contoh harga impot ikan kembong sejuk beku secara purata sekitar RM 6,000 /tan. Ianya boleh di jual secara runcit dipasaran sekitar RM 9.00/kg dengan mengambilkira kos terlibat.

# CADANGAN PELAKSANAAN

- ❑ Pihak LKIM telah mendapat persetujuan beberapa pihak yang berminat dan menyokong cadangan pelaksanaan Ikan Rakyat 1 Malaysia iaitu:
  - Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)
  - Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD)
  - Persatuan Nelayan Negeri Selangor (PENEGOR)
  - Persatuan Nelayan Negeri Perlis (PELARIS)
  - Perstuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA)
  
- ❑ Pertubuhan diatas akan memainkan peranan sebagai ‘main players ‘ yang mengimpot, membekal dan mengedar Ikan Rakyat kepada outlet-outlet yang dikenalpasti.
  
- ❑ Pihak FAMA juga telah memberi persetujuan untuk bekerjasama, dengan memberi ruang outlet di Kedai-kedai Rakyat, Agro bazar dan Pasar Tani agensi berkenaan. Pihak LKIM juga akan berbincang dengan pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk mendapatkan ruang outlet di Kedai-kedai Peladang. Selain itu kedai-kedai runcit PNK diseluruh negara juga akan di gembeling untk pengedaran Ikan Rakyat ini.

# CADANGAN PELAKSANAAN

- ❑ Penyertaan NEKMAT, dan Persatuan Nelayan Negeri di jangka dapat mempercepat pelaksanaan kerana mempunyai pengalaman dalam pemasaran ikan dan kemudahan asas seperti Bilik Sejuk, lori pengangkutan, mesin airbatu dsbnya.
- ❑ Mereka juga mempunyai networking yang baik yang boleh membantu dari aspek sumber bekalan dan pengedaran iaitu seperti Pengekspot, Pengeluar, PNK–PNK, PPK–PPK, usahawan pemasaran dan peruncit–peruncit ikan.
- ❑ LKIM selaku agensi pemudahcara akan membantu dari aspek logistik pengedaran dan pemasaran serta dana bagi pembelian stok ikan yang akan di salur sebagai pinjaman mudah kepada ‘main players’.

# STRATEGI PELAKSANAAN

- ❑ 'Main players' akan bertindak sebagai pengimpot, mengurus stok dan mengedar ikan kepada peruncit.
- ❑ Peruncit yang dikenalpasti akan dibekal dengan peti sejukbeku (freezers) dan stok ikan dalam bungkusan 1kg berlabel 'Ikan Rakyat 1 Malaysia' untuk jualan. Harga 1 kg bagi setiap spesies akan di tetapkan dan dikawal.
- ❑ Perkhidmatan pembekalan akan dilaksana secara rutin atau mengikut keperluan peruncit . Bagi menjamin mutu ikan produk akan dihantar menggunakan lori sejukbeku bersuhu - 18 celcius.
- ❑ Mekanisma tempahan dan pembekalan akan diatur rapi bagi memastikan bekalan sentiasa ada dan memcukupi.

# STRATEGI PELAKSANAAN

- Pelaksanaan akan di buat dalam 2 Fasa:
  - I. Fasa 1 – Lembah Kelang meliputi, Kuala Lumpur, Kelang, Kajang, Shah Alam dan Bangi.
  - II. Fasa 2 – Bandar-bandar besar seperti Ipoh, Johor Bahru, P Pinang dsbnya.
  
- Penumpuan kepada kawasan bandar adalah selaras dengan peningkatan kos sara hidup yang agak meruncing dan juga kepadatan penduduk.
  
- Sekiranya projek ini berjaya pertimbangan akan di buat untuk melebarkan liputan ke kawasan luar bandar dan penempatan termasuk tanah rancangan FELDA dan FELCRA.

# IMPAK PROJEK

- Di jangka dapat mengedar dalam kuantiti yang banyak secara meluas ( sekitar 300,000 kg/minggu)
- Harga jualan dapat ditetapkan pada paras antara RM6.00 hingga RM 9.00/kg mengikut spesis, perbezaan harga antara 20%–30% berbanding ikan basah
- Menyumbang dalam pengurangan kos sara hidup harian keluarga
- Memantapkan peranan PN dalam aktiviti pemasaran ikan dan memberi pulangan yang baik kepda nelayan

# PENUTUP

- ▶ Projek Ikan Rakyat 1 Malaysia 'IR1M' berpotensi besar untuk dimajukan kepada rakyat berpendapatan rendah terutama diluar bandar dan ini mengurangkan bebanan perbelanjaan hariannya.